

NO. SOALAN: 31

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK DR. EWON BIN EBIN [RANAU]**

**TARIKH : 15 NOV 2017**

**RUJUKAN : 10329**

**SOALAN :**

**Datuk Dr. Ewon Bin Ebin [Ranau] minta MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berikutan dengan penangkapan 7 orang pengawal keselamatan suspek ahli kumpulan militan Abu Sayyaf (kumpulan militan selatan Filipina yang mempunyai hubungan kait dengan ISIS) pada 14 September 2017 lalu, apakah tindakan yang telah diambil bagi memastikan keselamatan negara terutama sekali negeri Sabah yang dikatakan sebagai 'pintu masuk mereka' dapat terus terjamin.

65

Jawapan:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tindakan ofensif Kerajaan Filipina memerangi kumpulan pengganas secara besar-besaran di dalam negaranya telah meningkatkan risiko untuk kumpulan-kumpulan pengganas yang diburu menyusup masuk ke Malaysia khususnya di Sabah. Sehubungan itu, Kerajaan melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah pun meningkatkan kawalan keselamatan di negara ini dan di kawasan-kawasan yang bersempadan dengan Filipina.

Hasil daripada pemantauan berterusan, pihak polis telah berjaya menangkap 7 orang suspek dipercayai ahli kumpulan Abu Sayyaf yang turut mempunyai hubung kait dengan Daesh pada 14 September 2017.

Tuan Yang di-Pertua,

Selain daripada peningkatan kawalan keselamatan di sempadan negara, kawalan keselamatan di lokasi-lokasi strategik negara seperti pusat-pusat tumpuan pelancong, pusat-pusat perniagaan komersial, kepentingan negara asing dan sasaran-sasaran penting di seluruh negara juga turut dipertingkatkan. Kawalan keselamatan ini dilaksanakan menerusi Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) iaitu kerjasama agensi-agensi keselamatan negara terutamanya PDRM dan

**Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Anggota terlibat turut dilengkapi dengan senjata bagi meningkatkan keyakinan rakyat dan juga pelancong akan tahap keselamatan negara.**

**Pada masa sama, kawalan di semua pintu masuk utama negara sama ada udara, darat mahupun laut turut dipertingkatkan termasuk di sepanjang sempadan negara. Kerajaan dari semasa ke semasa terus meningkatkan penguatkuasaan berdasarkan undang-undang yang sedang berkuat kuasa seperti Akta Pencegahan Keganasan 2015, Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 dan Akta Pencegahan Jenayah 1959.**

**Tidak ketinggalan, kerjasama antara PDRM dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) juga telah dipertingkatkan bagi memantau media-media sosial agar perkembangan pengaruh Daesh dapat dikekang. PDRM juga berusaha gigih bagi menyekat pengaruh dan ideologi Kumpulan IS daripada terus meresap ke dalam pemikiran rakyat di negara ini. Ini dapat dilihat daripada operasi tangkapan yang dilancarkan dari semasa ke semasa.**